

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR  
BILANGAN 5/1980**

=====

**UNIT PENGUATKUASA**

-----

Penubuhan Unit Penguatkuasa diperingkat Negeri dan Daerah telah disetujui supaya menentukan supaya hasil tanah tidak hilang disebabkan oleh pelanggaran syarat atau dengan buatan haram.

Pada masa sekarang unit yang ada dibentuk di Ibu Pejabat cuma menunggu di Ibu Pejabat dan keluar apabila diminta oleh Pemungut Hasil Tanah-Pemungut Hasil Tanah untuk membantu meruntuh rumah haram. Keadaan semacam ini tidak memuaskan, adalah disyorkan supaya peraturan-peraturan bertugas diketatkan lagi dengan mengatur semula langkah-langkah yang patut diambil diperingkat Ibu Pejabat.

Unit Penguatkuasa akan diketuai oleh Penolong Pengarah Tanah dan Galian I. Dibawahnya ditempatkan satu Pegawai Penempatan, 2 kenderaan dan 2 pemandu dan 8 buruh untuk mengambil tindakan yang perlu adalah disediakan bagi unit itu.

Tindakan yang perlu ialah mencegah kesalahan-kesalahan dibawah Kanun Tanah Negara dan aturan-aturan dibawahnya, dan menentukan supaya semua cukai-cukai dikutip dengan tepatnya.

Unit ini hendaklah menyimpan satu Buku Harian. Sebelum keluar hendaklah memberitahu Pengarah Tanah dan Galian dan mencatat di dalam Buku Harian itu kemana tujuan unit itu. Di daerah, unit hendaklah melapurkan kepada Pemungut Hasil Tanah dan menyatakan tujuan lawatan itu. Walau bagaimanapun kehendak-kehendak Pemungut Hasil Tanah Daerah hendaklah dilormati. Barangkali Pemungut Hasil Tanah berkehendakkan unit itu membuat lawatan di kawasan-kawasan tertentu maka unit hendaklah patuh kepada arahan ini. Apabila balik daripada lawatan, laporan ringkas (briefing) hendaklah diberi kepada Pemungut Hasil Tanah Daerah dan tentukan apa-apa tindakan yang diperlukan. Segala tindakan hendaklah mengikut peraturan-peraturan Negeri Selangor – jika dakwaan di Mahkamah ditentukan, Pemungut Hasil Tanah atau Penolong Pengarah Tanah dan Galian bolehlah mendakwa di Mahkamah. Untuk menentukan kemahiran pendakwaan, Pemungut Hasil Tanah atau Penolong Pengarah Tanah dan Galian yang berkenaan bolehlah minta kebenaran Tuan Pengadil untuk hadir diperbicaraan-perbicaraan di Mahkamah-mahkamah sebagai latihan selama 3 bulan seminggu sekali atau dimasa-masa lapang.

Pemungut Hasil Tanah adalah diminta memberi kerjasama kepada Unit Penguatkuasa Tanah dan dengan ini Pentadbiran Tanah dapat dikemaskan lagi

T.T  
**(Datuk Raja Brima Sulong B. Raja Rome)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor,  
Shah Alam

Tarikh : 3hb. April, 1980